



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	USAHAWAN JANA PENDAPATAN BERGANDA, NASIONAL, SH -7 HAQIEM RUSLI BANGKIT DARIPADA KESILAPAN, HIBURAN SINAR, SH -29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	SEVEN FOREIGN FISHERMEN NABBED FOR ILLEGAL FISHING, NEWS, NST -11	JABATAN PERIKANAN (DOF)
4.	TEMPIAS FENOMENA IKAN MURAH, SINAR NEGERI PERAK, SH -23	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
5.	NEW MECHANISM TO IMPROVE PADDY YIELDS, HOME, BORNEO POST (KK) -8	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Usahawan jana pendapatan berganda

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berjaya meningkatkan ekonomi agropreneur muda

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

KANGAR

Bantuan perniagaan disalurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui agensi di bawahnya berjaya meningkatkan pendapatan usahawan terutama golongan agropreneur muda.

Seorang usahawan bakeri, Nor Hidayah Radzli, 35, mengakui pendapatannya kini meningkat sehingga tiga kali ganda sebulan dengan hanya bermula sebagai pengusaha kek dari rumah pada 2008.

Menurutnya, perjalanan hidup bergelar seorang usahawan muda bermula selepas dia mengalami kemalangan pada 2007 di Langkawi yang menyebabkan kaki kanannya gagal berfungsi dengan baik sehingga hari ini.

"Selepas terlibat dalam kemalangan, setahun kemudian saya mula membuat kek di rumah kerana tidak mampu lagi pergi bekerja sebagai seorang chef di Langkawi.

"Dalam tempoh itu, saya banyak bergantung kepada ibu bapa kerana tidak mampu membawa kereta sendiri.

"Saya mula membuka ke-



Haslina (tengah) bersama ikon Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara 2020, Baby Shima (dua dari kiri) dan Haqiem Rusli (tanan) mempromosi mangga harumanis.

dai bakeri sendiri pada tahun 2017 hasil bantuan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Syukur kek yang dihasilkan mendapat permintaan dari seluruh negara," katanya semasa menerima lawatan Timbalan Ketua Setiausaha Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi Perlis, Nurulhisham Yaakob.

Nor Hidayah yang ditemani suaminya, Mohd Zaid Ahmad, 35, turut menerima sebuah ketuhar daripada Haslina untuk membuat kek coklat sempena Program Walkabout Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Zon Utara di Arkeb Mara, Simpang Empat dekat sini.

Wanita itu yang kini menggajikan lima pekerja tetap dan lima pekerja sambil turut memberitahu, membuka sebuah lagi kedai bersebelahan pada 2018 yang diuruskan suaminya.

Sementara itu, seorang lagi usahawan muda yang berkecimpung dalam industri mangga harumanis, Muhammad Huzaifah Abdul Nasir, 32, berkata, bantuan usahawan yang diterimanya mampu membantu meningkatkan lagi hasil tanaman yang diusahakannya di Kampung Paya Besar dekat sini.

Muhammad Huzaifah menerima sumbangan bagi fasa ketiga iaitu mesir rumput, pam air dan mesin gergaji yang diserahkan oleh Haslina bagi membantunya berkembang maju dalam industri tanaman tersebut.

Melalui bantuan berkenaan, Muhammad Huzaifah yang berkelulusan Diploma Pengu-



Muhammad Huzaifah (dua dari kanan) menerima peralatan daripada Kementerian yang akan digunakan untuk mengembangkan tanaman harumanisnya.



Nor Hidayah dan suami bersyukur kerana perniagaannya semakin berkembang sejak tiga tahun lalu.

rusan Ladang berkaitan buah mangga bercadang menambah sebanyak 20 pokok harumanis berikutan permintaannya menggalakkan.

"Pada tahun 2019, sebanyak 3,500 buah mangga harumanis dapat dikeluarkan dari dua kebun dan mendapat permintaan tinggi dari Perlis sehingga Johor," katanya.

Dia juga turut merancang membuka *farm homestay* sebagai kemudahan kepada pelancong dalam dan luar negara untuk menikmati musim bunga mangga harumanis dan keenakan buahnya di negeri ini.

"Perancangan ini akan dilaksanakan kira-kira dua tahun dari sekarang," katanya.



Muhammad Huzaifah (kanan) menunjukkan kaedah membalut buah memelam kepada Haslina untuk mengotak serosok di ladangnya di Perlis semalam.



Gambar berkumpulan Jelajah Agropreneur Muda Zon Utara 2020 dan promosi MAHA 2020 bersama 40 usahawan muda di Ladang Nira Nipoh Kipli, Kuala Sanglang.

Haqiem Rusli bangkit daripada kesilapan

Mahu bermain industri terus bersatu

Oleh AQMAR MUSTAZA

Kesilapan dan kontroversi yang berlaku pada awal kariernya telah banyak mematangkan penyanyi dan komposer Haqiem Rusli.

Menurut pemilik nama sebenar Ridwan Haqiem Rusli ini, dia juga bersyukur apabila masih mendapat kepercayaan peminat dan orang industri sendiri untuk terus berkarya.

"Saya tak nafikan kontroversi demi kontroversi berlaku sebelum ini. Malah, saya sangkakan karier sudah berakhir.

"Alhamdulillah, selepas apa yang berlaku, saya masih diberi peluang untuk

membuktikan bakat saya. Saya harap perkara ini akan berkekalan," katanya ketika ditemui pada majlis pelantikannya sebagai Ikon Selebriti Jelajah Agropreneur Muda 2020 (IAM 2020) di Wisma Tani, Putrajaya baru-baru ini.

Tambah Haqiem, pengalaman dulu mengajarnya agar tidak mengambil mudah apatah lagi merunding rakan seindustri yang mempunyai masalah atau melakukan kesilapan.

Menafikan mahu menunjukkan baik, remaja berusia 22 tahun itu berpendapat, pentingnya bermain industri bersatu dalam apa jua keadaan.

"Dari hari ke hari saya belajar apa itu erti kematangan. Saya banyak belajar daripada kesilapan. Saya rasa ia (kesilapan) adalah percaturan dalam hidup saya yang sudah ditentukan.

"Kalau saya tak lalui semua itu, saya tak tahu siapa saya hari ini. Saya juga berterima kasih kepada rakan seindustri termasuk artis lama yang banyak

memberi nasihat kepada saya.

"Ia juga menyedarkan saya bahawa kita tak perlu untuk 'bash' rakan seindustri, apatah lagi ini tempat kita cari makan," katanya yang mengaku sudah membuang rakan yang membawa aura negatif daripada hidupnya.

Dalam pertembungan lain, Haqiem muncul dengan single terbaharu berjudul *Bangkit*. Dia mengakui lagu itu diinspirasi berdasarkan kisahnya sebelum ini.

Impian kolam ikan

Sementara itu, berkongsi mengenai pelantikannya sebagai Ikon Selebriti IAM 2020, Haqiem berkata, dia sudah lama mininati bidang pertanian dan perikanan sejak awal remaja lagi.

Malah katanya, dia melihat penglibatannya itu sebagai salah satu cara untuk merealisasikan impiannya mengusahakan kolam ikan tilapia di Hulu Langat, Selangor.

"Sejak dahulu saya minat menanam. Selepas habis peperiksaan SPM, saya pernah berhasrat membuat kolam ikan untuk memelihara ikan tilapia, tetapi tiada masa.

"Alhamdulillah selepas bertemu Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid, mereka ada menyatakan jalan untuk saya membuka kolam tersebut.

"Selain itu saya ambil peluang ini untuk bertemu beliau dan menggalakan penglibatan mereka dalam bidang pertanian serta perikanan," jelasnya.



FOTO: SHARIFLOW ABD RAZAM

Seven foreign fishermen nabbed for illegal fishing

LABUAN: Labuan marine police nabbed seven foreign fishermen including two undocumented Filipinos for fishing in Malaysian waters on Saturday. Sabah Marine Police Region Four commander Assistant Commissioner Mohamad Pajeri Ali said the fishermen were picked up at 2pm in an integrated operation dubbed *Op Gelora* in Labuan waters. He said the fishermen were also caught using trawl nets below 38mm, which is an offence under Section 26(b) of the Fisheries Act 1985. "We seized their fishing trawler and fishing equipment as well as marine catch worth RM240,000." **Bernama**

Tempias fenomena ikan murah

Warga Ipoh tidak melepaskan peluang mendapatkan lambakan ikan kembung dari Kuala Muda, Kedah

IPOH

Fenomena lambakan ikan di negeri-negeri utara khususnya Kedah sehingga menyebabkan hasil laut itu dijual pada harga 50 sen sekilogram turut memberi tempias kepada warga Perak khususnya di bandaraya ini.

Penduduk negeri ini khususnya Ipoh tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan lambakan ikan kembung segar yang dibawa dari Kuala Muda, Kedah dan dijual pada harga sangat murah iaitu RM10 untuk tiga

kilogram (kg). Inisiatif membawa ikan kembung dari Jeti Kuala Muda dan menjualnya di sini dibuat oleh seorang pengusaha restoran, Khairul Adnan Hamid, 32, kerana ingin memberi peluang kepada orang ramai mendapatkankannya dengan harga murah.

“Bermula Selasa lepas, saya pergi suka-suka beli 20kg, tetapi disebabkan ramai yang nak, pada Rabu saya bawa balik 1.5 tan dan tambah 2.5 tan pada Khamis yang dijual di Bandar Meru Raya, Kampung Manjoi dan Taman Perpaduan. Semuanya habis dalam masa 20 minit sahaja.

“Saya jual pada harga murah kerana ingin berkongsi dan bersedekah kepada warga Perak,” katanya ketika ditemui di lokasi jualan di Bandar Meru Raya kelmarin.

Khairul Adnan berkata, kelmarin, dia bersama beberapa rakan bertolak seawal jam 6 pagi ke Kuala Muda dan mem-

FOTO: BERNAMA



Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli ikan kembung yang dibawa dari Kuala Muda, Kedah dan dijual semurah RM10 bagi tiga kilogram kelmarin.

mula seawal jam 5.30 petang. Penjualan ikan itu akan diteruskan selagi terdapat bekalan serta permintaan dan akan dihebahkan dalam laman Facebook Segar Kampung Tengku Husin dan di Bandar Baru Putra ber-

beli, Kassim Abu, 53, berkata, dia mengunjungi lokasi jualan di Bandar Meru Raya bersama isteri untuk membeli ikan kembung bersaiz sederhana selepas mengetahui mengenai jualan murah itu daripada jirannya di Taman Meru di sini.

“Ramai yang memberitahu ada jualan ikan murah di sini hari ini seperti yang tular dalam laman sosial Facebook jadi saya pun datang untuk membelinya, harap jualan ikan murah seperti ini dapat diteruskan kerana serba sedikit dapat membantu orang susah,” katanya.

Awal bulan ini, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, fenomena lambakan ikan di tiga negeri utara iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang pernah berlaku sekitar 20 tahun lepas.

Beliau berkata, hasil pendaratan ikan di Kedah khususnya mencecah lebih 100 tan sehari.

- *Bernama*

Headline	New mechanism to improve paddy yields		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	16 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	8	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,321
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,964



New mechanism to improve paddy yields

KOTA BELUD: Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong has chaired a briefing regarding the status of paddy development in Kota Belud.

Together at the meeting was Tempasuk assemblyman Datuk Musbah Jamli, Sabah Drainage and Irrigation Department director Jeffery Ng, Agriculture Department deputy director Abd Latip, assistant district officer Peter Jiten, director of Integrated Agriculture Development Authority (IADA) Kota Belud Hajah Salmah and paddy farmer representatives at the Kota Belud District Office.

The views and feedback from all attendees have been received, and the meeting found that the water shortage faced by paddy farmers is not due to the Drainage and Irrigation Department (DID)'s design weakness, but due to the



Junz (seated centre) when chairing the briefing.

absence of a holistic mechanism involving all stakeholders to ensure tractor services, water supply, planting time, harvesting time and so forth are coordinated and carried out according to the supposed plans.

The Ministry of Agriculture and

Food Industry Sabah will set up and take lead of a 'paddy unit' to coordinate all 16 government agencies and bodies under the Kota Belud Jelapang Padi scheme.

This unit will put in place a new mechanism with standardised operating procedures to ensure

all relevant bodies are in sync and well coordinated, in order to create a holistic environment for the benefit of all stakeholders.

With that, the ministry hopes that there will be better yields for paddy farmers not only in Kota Belud, but throughout Sabah.